

Newspaper	Berita Harian
Date	2 June 2015

# Bas elektrik atasi kesesakan dilancar

BH-2/6/2015

» *Khidmat sejauh 5.4 kilometer usaha sama Prasarana, Sunway Berhad*

Oleh Mohd Hamizar Hamid  
mizar@bh.com.my

Subang Jaya

**S**istem Bas Rapid Transit Sunway Line (BRT-Laluan Sunway), sistem pengangkutan bas elektrik bagi mengatasi masalah kesesakan di Lembah Klang, dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak semalam.

Sistem yang menggunakan laluan khas eksklusif bertingkat sejauh 5.4 kilometer itu menempatkan tujuh stesen dari Sunway-Setia Jaya sehingga USJ7, dekat sini.

Sebanyak 15 bas disediakan bagi perkhidmatan itu dengan kapasiti 67 penumpang bagi setiap bas yang bergerak dengan kelajuan 80 kilometer sejam.

Kos pembinaan infrastruktur dan sistem membabitkan RM634 juta, projek kerjasama awam swasta (PPP) antara Prasarana

Malaysia Berhad (Prasarana) dan Sunway Berhad. Sistem pengangkutan yang pertama seumpama itu di negara ini, direkodkan dalam buku Malaysia Book of Records (MBOR).

**Siap tiga minggu lebih awal**

Dalam ucapannya, Najib berkata, projek yang siap tiga minggu lebih awal daripada sasaran bakal menyaksikan pengurangan pelepasan karbon apabila orang ramai mula menggunakan perkhidmatan itu.

“Projek menunjukkan komitmen kerajaan dalam menyediakan sistem pengangkutan awam yang berkesan dan mudah digunakan rakyat,” katanya.

Yang turut hadir, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai; Pengerusi Kumpulan Prasarana Malaysia Berhad, Tan Sri Ismail Adam dan Pengerusi Kumpulan Sunway, Tan Sri Dr Jeffrey Cheah.

Najib juga berkata, kerajaan memperuntukkan RM23 bilion bagi pembinaan jajaran Transit Aliran Massa (MRT) menghubungkan Sungai Buloh-Putrajaya dan jajaran Transit Aliran Ringan (LRT) ketiga menghubungkan Bandar Utara-Shah Alam-Klang.

“Kita memilih NKRA (Bidang Keberhasilan Utama Negara) Pengangkutan Awam kerana tidak



Najib berbual dengan pemandu bas, Mohd Musawwir Khalil selepas melancarkan **Sistem Bas Rapid Transit** di Bandar Sunway, semalam. [FOTO SAIRIEN NAFIS/BH]

berjaya mewujudkan sistem pengangkutan bersepadu dan berintegrasi sepenuhnya.

“Justeru, kita mewujudkan Prasarana dan SPAD (Suruhanjaya

Pengangkutan Awam Darat) supaya dapat menyelaraskan pengangkutan awam,” katanya.

Pada majlis itu, Najib turut mencuba perkhidmatan BRT, se-

lain diberi penghormatan mengumumkan kadar percuma bagi perkhidmatan berkenaan untuk tempoh dua bulan bermula hari ini.